



MAGLIN Dennis D'Cruz (dua dari kiri) bersama Aini Ideris (tiga dari kanan) tertarik penerangan daripada prasiswazah UPM.

UPM anjur pameran dalam **bentuk maya**

Oleh Noor Eszereen Juferi

bhvarsiti@bharian.com.my

SERDANG: Kaedah pameran artifaik memasuki dimensi baru apabila konsep Virtual Library Museum Pages (VLMP) diperkenalkan Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina (FRSB) Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam pameran 'Sustainable Tropical Environmental Design Exhibition 2011' (STEDex 11) yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Dalam pameran itu, sejumlah 60 artifaik berkaitan isu persekitaran dan reka bentuk mapan dipamerkan kepada pengunjung.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof Datin Dr Aini Ideris, berkata STEDex 11 ialah satu-satunya pameran berindeks dalam bentuk maya dianjurkan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dan mempunyai keunikan tersendiri.

"Kesemua artifaik dipamerkan melalui penggunaan Virtual Library Museum Pages (VLMP) yang diberi suntikan baru bagi mempertingkatkan

kan kualitinya untuk memperoleh status artikel petikan berindeks.

"Pameran yang disertai 540 pelajar prasiswazah itu turut menampilkan kelebihan apabila semua bahan artifaik dimasukkan dalam format audio visual bagi memberikan kesan interaksi lebih baik kepada pengunjung," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Maglin Dennis D' Cruz, berkata usaha FRSB menampilkan kaedah alternatif dalam penerbitan Art and Humanities Indeks ialah idea kreatif yang memanfaatkan hasil pengajaran dan pembelajaran reka bentuk berkualiti.

"Inisiatif ini meningkatkan jumlah penerbitan dan hasil penyelidikan daripada tiga kumpulan iaitu Kumpulan Penyelidikan Sikap dalam Reka bentuk Alam Sekitar, Kumpulan Penyelidik Sistem dan Teknologi dalam Reka bentuk Alam Sekitar dan Kumpulan Penyelidik Integrasi Reka bentuk Alam Sekitar," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian Pameran STEDex 11.

Selain pameran, STEDex 11 turut

mengadakan seminar bertajuk 'Sustainable Tropical Environmental Design bagi memberi peluang perkongsian intelektual berkaitan isu persekitaran dan reka bentuk.